

## Strategi Britain ke Arah Pakatan Anglo-Amerika Bagi Mengekang Peluasan Kuasa Kesatuan Soviet di Greece dan Turki, 1945-1947

*(Britain's Strategies towards Anglo-American Co-operation in Containing the  
Expansion of Soviet Union Influence in Greece and Turkey, 1945-1947)*

**Norasmahani Hussain & Zulkanain Abdul Rahman**

### Abstrak

---

Pada 12 Mac 1947, Amerika Syarikat mengumumkan bahawa Greece dan Turki akan menerima bantuan ekonomi iaitu Doktrin Truman yang bermatlamat untuk membantu meningkatkan keupayaan ketenteraan Greece dan Turki dalam menghadapi ancaman komunis dan Kesatuan Soviet. Ramai ahli sejarah berpendapat bahawa Amerika Syarikat sendiri sedar akan perlunya pengaruh komunis dan Kesatuan Soviet disekat di kedua-dua negara tersebut. Namun hakikatnya, Britain yang sebenarnya telah meyakinkan Amerika Syarikat untuk berbuat demikian. Artikel ini membincangkan strategi Britain dalam membawa Amerika Syarikat untuk terlibat dalam hal ehwal di Greece dan Turki antara 1945 hingga 1947 dengan merujuk kepada sumber-sumber arkib British. Analisis terhadap sumber-sumber ini mendapati bahawa Britain tidak mampu untuk terus membantu Greece dan Turki dalam menentang ancaman Soviet ekoran masalah ekonominya. Selain itu, polisi baharu Amerika Syarikat yang bersedia untuk campur tangan dalam isu-isu dunia bukan sahaja dapat menyekat komunisme, malah turut membantu mengekalkan *status quo* Britain di Greece dan Turki.

---

**Kata kunci:** Britain, Turki, Amerika Syarikat, Greece, polisi-polisi, Lingkungan Pengaruh

### Abstract

---

*On 12 March 1947, the United States proclaimed that Greece and Turkey would receive economic aid, namely the Truman Doctrine that would bolster these countries' capabilities in resisting Soviet expansionism. Many historians agreed that this economic aid was given due to United States' self-awareness to contain the expansion of Soviet influence in those countries. However, it was Britain who convinced the United States to do so. This article will discuss British strategies in bringing the United States into internal affairs in Greece and Turkey between 1945 and 1947 through the perusal of British archival records. The scrutiny of these records has shown that Britain could no longer assist Greece and Turkey in facing the Soviet threat alone due to its economic difficulties. Moreover, the American new policy of intervention in world affairs would not only combat Communism but did help Britain in maintaining its status quo in Greece and Turkey*

---

**Keywords:** Britain, Turkey, United States, Greece, policies, sphere of influence

## PENGENALAN

Keterlibatan Kesatuan Soviet dalam Perang Saudara Greek (1946-1949) dan krisis Selat Turki (1946-1953) adalah merupakan antara dua peristiwa awal yang membawa kepada teretusnya Perang Dingin antara blok komunis dan blok kapitalis pada awal era pasca-Perang Dunia Kedua. Ramai sarjana bersetuju bahawa Perang Dingin telah bermula secara rasmi pada hari Amerika Syarikat mengumumkan bantuan ekonomi kepada Greece dan Turki di bawah polisi pembendungan iaitu Doktrin Truman pada 12 Mac 1947 (Kuniholm 1980; Hathaway 1981; Yergin 1986). Dalam historiografi Perang Dingin, aliran tradisional, revisionis dan pasca-revisionis cenderung melihat keputusan Amerika Syarikat untuk membantu Greece dan Turki adalah disebabkan oleh kesedaran Amerika Syarikat sendiri dalam usahanya untuk mengekang peluasan kuasa Kesatuan Soviet. Namun, jika diteliti dari perspektif aliran Sekolah Pemikiran British, didapati bahawa Amerika Syarikat bersetuju untuk membantu Greece dan Turki adalah disebabkan oleh inisiatif Britain. Bagi membuktikan perkara ini, artikel ini akan menghuraikan perkara ini dengan menganalisis sumber-sumber primer British seperti FO371 (*Foreign Office Papers*); FO800 (*Bevin's Private Papers*); CAB (*Cabinet Office Papers*); DEFE (*Defence Ministry Papers*) dan HANSARD (*House of Commons Parliamentary Debate*). Sumber Amerika Syarikat iaitu FRUS (*Foreign Relations of the United States*) juga turut dirujuk sebagai rujukan tambahan.

Inisiatif Britain untuk membawa Amerika Syarikat terlibat dalam krisis di Greece dan Turki adalah disebabkan oleh ketidakupayaan Britain untuk meneruskan bantuan ketenteraan kepada Greece dan Turki bagi menghadapi ancaman komunis ekoran daripada masalah kegawatan ekonominya yang semakin memburuk pada awal pasca-Perang Dunia Kedua (Kent 1994). Amerika Syarikat yang pada mulanya mahu meneruskan polisi isolasi dalam era pasca-Perang Dunia Kedua telah mengubah fikiran lalu mengimplementasikan polisi pembendungan (*containment*) yang pertama iaitu Doktrin Truman yang merupakan pelan bantuan ekonomi berjumlah \$400 juta bagi menyekat kuasa komunis di Greece dan Turki. Keupayaan ekonomi dan kekuatan ketenteraan Greece dan Turki dijangkakan akan meningkat lalu berupaya menghalang penguasaan komunis dan mengelak daripada menjadi negara satelit Soviet. Bagi memahami sebab musabab Greece dan Turki mendapat perhatian Britain dan Kesatuan Soviet khususnya serta kemudiannya Amerika Syarikat, artikel ini akan menyentuh terlebih dahulu kepentingan geostrategik Greece and Turki kepada Britain dan Kesatuan Soviet.

## KEPENTINGAN GEOSTRATEGIK GREECE DAN TURKI YANG MEMBAWA KEPADA PERSAINGAN ANTARA BRITAIN DAN KESATUAN SOVIET

Greece dan Turki menjadi 'medan' persaingan kuasa antara Britain dan Kesatuan Soviet Union adalah disebabkan kerana kedua-dua Kuasa Besar tersebut mempunyai kepentingan strategik yang hampir sama di Mediterranean dan Timur Tengah. Kedudukan geografi Greece dan Turki di timur laut Laut Mediterranean menjadikan kedua-dua negara ini penting kepada Britain iaitu: menjadi laluan perhubungan British ke kawasan empayar jajahannya di Timur; laluan yang menghubungkan Britain kepada sumber minyak di Timur Tengah (DEFE 5/3 1947); dan penempatan pengkalan ketenteraan yang strategik bagi mengawal keselamatan lingkungan pengaruh British di Mediterranean, dan juga tanah jajahannya di Timur dan Timur Tengah (CAB 133/86 1946).

Bagi Kesatuan Soviet pula, Greece dan Turki penting untuk diletakkan dalam lingkungan pengaruhnya bersama-sama dengan beberapa negara Balkan yang telah pun menjadi negara satelitnya bagi mengukuhkan kedudukan dan pertahanannya di Selatan Eropah Timur setelah tamatnya Perang Dunia Kedua (Hasanli 2013). Malah, keperluan kepada pelabuhan-pelabuhan baharu di Laut Aegean dan Mediterranean Timur yang sifat air lautnya tidak membeku pada musim sejuk menjadikan pelabuhan-pelabuhan di Greece dan Turki menjadi pilihan utama Kesatuan Soviet (Leffler 1985). Perkara ini jelas membawa kepada perebutan dan persaingan lingkungan pengaruh di Greece dan Turki antara Britain dan Kesatuan Soviet (Kuniholm 1980). Apabila terjadinya krisis di Greece dan Turki, Britain percaya krisis-krisis tersebut sengaja ditimbulkan oleh Kesatuan Soviet sebagai usahanya untuk meluaskan lingkungan pengaruhnya di kedua-dua negara tersebut.

### ***KESATUAN SOVIET DAN KRISIS DI GREECE (1946-1949)***

Krisis di Greece adalah merupakan Perang Saudara Greek (1946-1949) antara Parti Komunis Greek (KKE – *Kommunistikó Kómma Elládas*) dengan kerajaan Beraja Greek yang bersifat anti-komunis. Gerakan penentangan oleh gerila komunis itu mendapat sokongan politik dan senjata daripada tiga negara jiran Greece, iaitu Yugoslavia, Bulgaria dan Albania, yang merupakan negara-negara satelit Kesatuan Soviet. Berdasarkan sumber Rusia, sebelum tamatnya Perang Dunia Kedua, Kesatuan Soviet kurang berminat untuk melibatkan diri dalam krisis politik di Greece walaupun pada waktu itu telah berlaku Perang Saudara Greek fasa pertama (1943-1944) dan fasa kedua (Disember 1944 hingga Januari 1945). Hal ini disebabkan kerana Soviet lebih menumpukan perhatiannya terhadap rantau Balkan, bahkan ia sedar bahawa Britain sangat berminat terhadap Greece (Kynin & Laufer 1996).

Memandangkan Kesatuan Soviet pada waktu itu sedang bekerjasama dengan Britain dalam Perang Dunia Kedua, maka keputusan Kesatuan Soviet untuk tidak campur tangan di Greece dilihat sebagai menghormati lingkungan pengaruh Britain di Greece. Perkara ini menjelaskan tindakan Moscow yang mengingatkan para pegawainya yang terlibat dalam misi ketenteraan ke Greece yang dihantar pada Jun 1944 bagi membantu menentang tentera Jerman di sana agar tidak campur tangan dalam masalah parti komunis di Greece yang pada waktu itu sedang bertempur dalam Perang Saudara Greek fasa pertama (Roberts 2011).

Kesatuan Soviet makin menjarakkan diri daripada Greece apabila Pemimpin utama Kesatuan Soviet, Joseph Stalin, melalui '*Percentage Agreement*' yang dipersetujui bersama Perdana Menteri Britain, Winston Churchill pada Oktober 1944, bersetuju dengan penguasaan British di Greece sebanyak 90 peratus (PREM 3/66/7 1944).<sup>1</sup> Justeru, apabila parti *Greek People's Liberation Army* (ELAS – *Ellinikós Laïkós Apeleftherotikós Stratós*) memberontak menentang kawalan British di Athens pada Disember 1944, Kesatuan Soviet dengan tegas menyatakan bahawa: '*our Greek friends will not be able to count on active assistance from here [Moscow]*' (Banac 2003).<sup>2</sup> Sikap tidak campur tangan Kesatuan Soviet di Greece ini masih diteruskan sehingga ke Persidangan Yalta (Februari 1945) apabila Menteri Luar Soviet iaitu Vyacheslav Molotov menegaskan kepada Setiausaha Luar British, Anthony Eden bahawa '*he did not have in mind the position in Greece*' (Roberts 2011).

Namun, menjelang Persidangan Potsdam (Julai-Ogos 1945), sikap Kesatuan Soviet terhadap Greece mulai berubah apabila Britain telah membantu parti haluan kanan menubuhkan kerajaan yang bersifat anti-komunis (selepas tamatnya Perang Saudara Greek fasa kedua), sedangkan parti haluan kiri yang pro-komunis iaitu *National Liberation Front* (EAM – *Ethniko Apeleftherotiko Metopo*) lebih mendapat sokongan daripada rakyat Greece (Roberts 2011). Tambahan pula, pada ketika itu juga Kesatuan Soviet telah memulakan kempen perluasan lingkungan pengaruhnya di Selatan Eropah Timur ekoran tamatnya Perang Dunia Kedua. Situasi ini diyakini telah menjadi titik mula perubahan sikap Kesatuan Soviet terhadap Greece. Justeru, dalam persidangan Kuasa-kuasa Besar di Moscow pada Disember 1945, Kesatuan Soviet menuntut Britain agar berundur dari Greece (Roberts 2011). Beberapa bulan selepas persidangan di Moscow, Perang Saudara Greek fasa ketiga telah meletus di Greece. Walaupun penglibatan Kesatuan Soviet dalam Perang Saudara Greek fasa ketiga itu adalah kurang jelas, namun Britain sedar akan sikap Kesatuan Soviet yang tidak mahu kerajaan bersifat anti-komunis menjadi jiran kepada negara-negara satelitnya (Boyle 1990). Maka atas sebab inilah Britain yakin Kesatuan Soviet ialah dalang yang mencetuskan krisis politik di Greece iaitu dengan mengarahkan negara-negara satelitnya untuk membantu Parti Komunis Greek dalam usaha mereka menentang kerajaan Beraja Greek (FO 371/73045 1948).

### ***KESATUAN SOVIET DAN KRISIS TURKI (1946-1953)***

Krisis di Turki pula adalah merupakan tuntutan diplomatik oleh Kesatuan Soviet terhadap Turki berhubung dua perkara. Pertama, Kesatuan Soviet menuntut pemilikan semula dua wilayah di Armenia Barat iaitu Kars dan Ardahan (Mark 1994). Kedua, Kesatuan Soviet menuntut hak sama rata dengan Turki dalam menguruskan dua selat Turki iaitu Selat Dardanellas dan Selat Bosphorus, di samping menuntut penempatan pengkalan tentera laut Rusia di selat-selat tersebut (Knight 1977).

Situasi di Turki pula adalah sedikit berbeza berbanding Greece. Sedari awal lagi Kesatuan Soviet telah menunjukkan minat terhadap isu-isu domestik Turki, khususnya isu pemilikan wilayah di Armenia Barat (Kars dan Ardahan) – ia menuntut semula kedua-dua wilayah ini dikembalikan kepadanya; dan isu pengurusan selat Turki (Selat Dardanellas dan Selat Bosphorus) – ia menuntut hak pengurusan dan pentadbiran selat-selat di Turki yang sama rata dengan Turki. Pernah suatu ketika Kesatuan Soviet bersetuju untuk melepaskan dua tuntutan tersebut ke atas Turki ekoran termeterainya ‘*Treaty of Friendship and Neutrality in 1925*’ di antara Kesatuan Soviet dan Turki (Hasanli 2013).

Walau bagaimanapun, Kesatuan Soviet memperbaharui semula tuntutannya terhadap isu pengurusan selat Turki apabila Perjanjian Montreux 1936 yang ditandatangani dalam Konvensyen Montreux (Julai 1936) telah memberi Turki hak eksklusif untuk menguruskan selat-selat Turki, termasuklah penempatan semula kem ketenteraannya di selat-selat tersebut (Mango 1968). Bagi Kesatuan Soviet, Perjanjian Montreux 1936 dilihat sebagai kurang adil terhadap negara-negara jiran Turki iaitu Rusia, Romania dan Bulgaria yang turut menggunakan selat-selat Turki bagi tujuan perdagangan dan strategi ketenteraan mereka (Rozakis & Stagos 1987). Hal ini disebabkan kerana selat-selat Turki merupakan satu-satunya laluan yang menghubungkan Laut Hitam dengan Laut Mediterranean. Perjanjian Montreux 1936 secara halusnyanya telah menafikan hak armada tentera ketiga-tiga negara jiran Turki itu (ketiga-tiganya bersekutu dalam soal ketenteraan) untuk melalui selat-selat Turki secara bebas tanpa sekatan.

Justeru, ketika Persidangan Yalta (Februari 1945), Stalin menuntut Britain dan Amerika Syarikat supaya menyemak dan merombak semula Perjanjian Montreux 1936, dan beliau menegaskan perjanjian baharu berhubung penyelesaian isu selat Turki itu mesti memenuhi kriteria tuntutan yang dimajukan olehnya (Roberts 2012). Antaranya ialah: satu pengkalan tentera laut Rusia ditempatkan di Selat Bosphorus atau di Selat Dardanellas; dan Rusia diberi hak kawalan sama rata dengan Turki dalam hal ehwal pengurusan selat-selat Turki (Knight 1977). Situasi kemudiannya menjadi lebih rumit apabila Kesatuan Soviet turut memperbaharui tuntutan terhadap wilayah Kars dan Ardahan, lalu memanipulasikan isu tuntutan wilayah ini bagi mendesak Turki supaya bersetuju dengan tuntutannya terhadap isu selat Turki (Reitzel 1948). Tuntutan terhadap wilayah Kars dan Ardahan dimaklumkan oleh Stalin kepada Britain dan Amerika Syarikat ketika Persidangan Potsdam (Julai-Ogos 1945) yang bertujuan untuk membincangkan penyelesaian baharu berhubung isu selat Turki itu.

Walaupun Presiden Amerika Syarikat, Harry S. Truman, dan Perdana Menteri Britain, Winston Churchill, bersetuju dengan tuntutan Kesatuan Soviet agar tiga negara jiran Turki itu diberi kebebasan mengakses selat-selat Turki tersebut tanpa sekatan (Gilbert 1986), namun kedua-duanya menolak tuntutan Kesatuan Soviet berhubung penempatan pengkalan tentera laut Rusia di Selat Dardanellas atau Bosphorus (Mango 1968). Amerika Syarikat bimbang tuntutan untuk sebuah pengkalan tentera laut itu adalah satu helah Kesatuan Soviet dalam usahanya untuk meluaskan lingkungan pengaruhnya sehingga ke Mediterranean Timur dan Timur Dekat (Leffler 1985). Manakala bagi tuntutan terhadap wilayah Kars dan Ardahan, Truman dan Churchill enggan mengulas mengenai isu ini kerana protokol persidangan tersebut hanya terhad kepada perbincangan tentang isu selat Turki (Roberts 2012).

Krisis selat Turki semakin memuncak apabila Kesatuan Soviet menghantar nota rasmi kepada Turki berhubung tuntutannya untuk semakan semula Perjanjian Montreux 1936 pada 7 Ogos 1946. Nota tersebut dihantar ekoran ketidakpuasan hati Kesatuan Soviet terhadap Turki kerana telah membenarkan armada laut Jerman dan Itali melalui selat-selat Turki ketika Perang Dunia Kedua (Roberts 2011), juga tindakan Turki membenarkan kapal perang Amerika iaitu USS Missouri berlabuh di Istanbul pada 6 April 1946 (Hasanli 2013). Ekoran daripada dua peristiwa ini, Kesatuan Soviet menegaskan bahawa Turki tidak mampu untuk mentadbir selat-selat Turki dengan baik, malah cara pengurusannya telah mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara-negara jirannya di Laut Hitam. Oleh itu, Kesatuan Soviet dengan tegasnya mencadangkan penganjuran satu persidangan yang melibatkan penyertaan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan di selat-selat Turki itu bagi menyemak dan merombak semula Perjanjian Montreux 1936 (Roberts 2012).

Ringkasnya, perkembangan politik di Greece dan Turki pada awal era pasca-Perang Dunia Kedua ini telah mengusarkan Britain kerana Kesatuan Soviet dilihat seolah-oleh ingin mencabar lingkungan pengaruh British di rantau Mediterranean dan Timur Tengah. Sekiranya Parti Komunis Greek memenangi Perang Saudara di Greece, dan Turki gagal menepis tuntutan Kesatuan Soviet terhadap selat-selatunya dan dua wilayahnya di Kars dan Ardahan, maka kedua-dua negara ini pasti akan berada dalam genggaman komunis. Sehubungan itu, kepentingan strategik Britain di kedua-dua negara tersebut akan terjejas, lalu akan turut menjejaskan kedudukan dan penguasaan Britain di Timur Tengah dan empayar jajahannya di Timur. Bagi mengelakkan kemungkinan ini berlaku, Britain telah menggubal dan mengimplementasikan polisi yang mampu membantu Greece dan Turki kekal sebagai negara bebas.

### **REAKSI DAN STRATEGI BRITAIN UNTUK MENGEKANG ANCAMAN KOMUNIS DI GREECE DAN TURKI, 1945-1947**

Krisis di Greece dan Turki dilihat oleh Britain, khususnya Setiausaha Luar British, Ernest Bevin dan para pegawai *Chiefs of Staff* (COS) sebagai langkah awal Kesatuan Soviet untuk menguasai seluruh Mediterranean dan kemudiannya Timur Tengah (CAB 131/12 1946). Hal ini disebabkan kerana kedudukan geografi Greece dan Turki yang bersebelahan, dan lokasi kedua-dua negara ini berdekatan dengan Timur Tengah. Menurut Bevin, jika Parti komunis Greece menang dalam krisis Perang Saudara Greek, maka *'this would bring Russia influence down to Aegean, and Turkey would not long remain independent'* (CAB 129/23 1948). Selepas berjaya menguasai Turki, Timur Tengah pasti akan menjadi sasaran komunis yang seterusnya.

Timur Tengah sangat penting kepada Britain kerana rantau ini mempunyai sumber minyak terbesar di dunia dan juga adanya lokasi-lokasi yang sangat strategik untuk penempatan pengkalan dan fasiliti ketenteraan (CAB 133/86 1946). Malangnya Kesatuan Soviet juga mempunyai kepentingan strategik yang sama terhadap Timur Tengah. Berdasarkan kajian terhadap sumber-sumber dari arkib Rusia oleh sejarawan Natalia I. Yegorova, beliau mendapati bahawa aktiviti-aktiviti kuasa Barat seperti Britain di Timur Tengah khususnya berkaitan dengan persoalan minyak merupakan faktor yang mendorong Kesatuan Soviet untuk turut berminat terhadap Timur Tengah (Yegorova 1996). Hal ini menjelaskan sikap Kesatuan Soviet yang begitu nekad untuk bersaing dengan Britain dalam mendapatkan hak pemilikan terhadap penemuan telaga minyak yang baharu di Timur Tengah. Situasi ini menyakinkan Bevin dan COS bahawa tuntutan Kesatuan Soviet terhadap Kars dan Ardahan adalah merupakan satu helah untuk ia menyusup masuk ke Timur Tengah. Hal ini disebabkan kerana Kars dan Ardahan (wilayah-wilayah yang dituntut semula oleh Kesatuan Soviet daripada Turki) merupakan laluan yang strategik untuk mencerooboh masuk ke Iraq (negara yang kaya dengan hasil minyak) secara langsung dari tanah Turki (Rubin 1980).

Bevin dan COS yakin sekiranya Greece dan Turki jatuh ke dalam genggaman Kesatuan Soviet, maka perkara yang sama akan berlaku kepada Timur Tengah. Keadaan ini pasti akan menjejaskan sistem perhubungan British ke tanah jajahannya di Timur dan sumber bekalan minyaknya di Timur Tengah (CAB 133/86 1946), serta pengkalan udara British di Timur Tengah berkemungkinan besar akan diambil alih oleh Soviet sekiranya tercetusnya perang antara kedua-dua kuasa tersebut (CAB 133/86 1946). Bagi mengelakkan kepentingan-kepentingan strategik British di Mediterranean dan Timur Tengah itu daripada diambil alih oleh Soviet, maka Britain mesti membantu Greece dan Turki agar tidak tunduk kepada ancaman komunis, atau lebih buruk kedua-duanya dijadikan negara satelit Soviet. Sehubungan itu, Britain memutuskan untuk campur tangan secara langsung dalam urusan dalaman kedua-dua negara ini dengan memberi bimbingan politik, bantuan ekonomi dan bantuan ketenteraan memandangkan kedua-dua negara ini tidak mampu menentang ancaman dan tekanan komunis itu sendiri (Hansard, Vol. 413 1945).

#### **Polisi Britain Terhadap Greece**

Di Greece, berikutan Kesatuan Soviet mula memberi perhatian terhadap Greece, maka Britain berusaha mengukuhkan pengaruhnya di Greece melalui pelaksanaan dua polisi utama terhadap

Greece iaitu: pertama, bimbingan politik dan kedua, bantuan ekonomi (Hansard, Vol. 413 1945). Berhubung polisi yang pertama, tanpa bimbingan daripada Britain, dikhuatiri kerajaan Beraja Greek *'would become a dictatorship, which could lead to a revival of EAM/ELAS and a new left-wing revolt'* (FO 371/48276 1945). Britain menegaskan polisi ini adalah penting dalam memastikan Greece menjadi sebuah negara yang stabil dan bersifat pro-British, lalu membawa kepada pengekalannya lingkungan pengaruh British di rantau Mediterranean Timur serta memastikan laluan perhubungan dengan empayar jajahannya di Timur tidak terjejas (FO 371/48276 1945).

Bagi polisi kedua pula, Britain sedar reformasi politik itu akan gagal sekiranya situasi ekonomi yang buruk di Greece tidak dipulihkan, maka Britain turut memberi bantuan ekonomi kepada Greece (FO 371/48276 1945). Risiko untuk tercetusnya perang saudara antara parti berhaluan kiri dengan parti berhaluan kanan di Greece juga sangat tinggi. Hal ini disebabkan kerana kerajaan Beraja Greek bersikap agak kejam terhadap EAM dan para penyokongnya (Frazier 1991). Memandangkan kekuatan tentera kerajaan Beraja Greek agak lemah serta kekurangan kelengkapan ketenteraan, maka Britain turut memberi bantuan ketenteraan kepada Greece (CAB 129/23 1948).

Ternyata polisi bantuan ketenteraan itu merupakan satu keputusan yang tepat kerana sebaik sahaja tamatnya pilihan raya di Greece pada Mac 1946, tindakan Parti Komunis Greek (KKE – *Kommounistikó Kómma Elládas*) yang memboikot penubuhan kerajaan baharu yang diiktiraf oleh Britain telah mencetuskan Perang Saudara Greek (Frazier 1991). Sebagai tanda protes terhadap kerajaan baharu tersebut, KKE telah menubuhkan kerajaan sementara yang dikenali sebagai kerajaan Demokratik Greece di bahagian utara Greece dan KKE turut membuat serangan gerila terhadap tentera kerajaan Beraja Greek dengan bantuan logistik daripada negara-negara jiran yang pro-komunis iaitu Yugoslavia, Bulgaria and Albania (CAB 129/23 1948). Melalui polisi-polisi British terhadap Greece ini, Britain berharap kerajaan Beraja Greek mampu memenangi perang saudara tersebut. Seperti yang ditegaskan oleh Bevin: Britain *'accepted responsibility for giving guidance for the training and development of the Greek Army in order that they might be able to defend themselves against any attack from their neighbours'* (CAB 129/16 1947).

Berdasarkan rekod British, Britain menjangkakan keselamatan Turki akan turut terjamin sekiranya Greece berjaya menghapuskan pemberontakan gerila komunis dengan bantuan daripada tentera British. Hal ini disebabkan kerana Kesatuan Soviet *'seemed content to wait and let the success of its plans in Greece would bring about the collapse of Turkey'* (CAB 129/23 1948). Seperti yang tercatat dalam rekod Rusia yang dipetik daripada buku Jamil Hasanli, Stalin dan Molotov berpendapat bahawa *'the occupation of Greece was equal to the occupation of Turkey because Greece was a bridgehead from which to attack Turkey'* (Hasanli 2013). Ternyata keselamatan Greece dan Turki adalah saling berkait. Memandangkan pada waktu yang sama turut berlaku krisis di Turki berhubung tekanan Kesatuan Soviet terhadap isu selat Turki, maka dapat dilihat bahawa polisi British di Turki adalah sama seperti polisinya di Greece.

### **Polisi Britain terhadap Turki**

Kepentingan geostrategik British di Turki turut terancam berikutan tuntutan Kesatuan Soviet terhadap selat Dardanellas dan selat Bosphorus, dan juga tuntutan terhadap wilayah Kars dan Ardahan daripada Turki. Bagi memastikan Turki tidak tunduk kepada tekanan Kesatuan Soviet itu maka Britain berusaha untuk memastikan Turki, seperti Greece, kekal sebagai negara bebas. Polisi pertama yang diimplementasi oleh Britain adalah dengan memberi sokongan politik kepada Turki. Dengan adanya sokongan politik daripada kuasa besar seperti Britain, Bevin sangat berharap Turki akan menjadi lebih yakin dan berani untuk tegas menolak segala tuntutan Kesatuan Soviet (CAB 129/23 1948).

Namun, sokongan politik semata-mata tidak cukup bagi Turki untuk terus kuat menghadapi tekanan Kesatuan Soviet. Malah, apabila krisis selat Turki semakin menegang dalam tahun 1946, Britain bimbang sekiranya Kesatuan Soviet membuat ancaman berbentuk ketenteraan dalam usahanya untuk melemahkan penentangan Turki terhadap tuntutan-tuntutannya itu. Kebimbangan Britain itu berasas apabila Kesatuan Soviet kemudiannya telah menghantar sejumlah besar tentera

daratnya ke Romania dan Bulgaria, serta pada masa yang sama Kesatuan Soviet turut menempatkan sejumlah besar armada kapal perangnya di Laut Hitam terutamanya di bahagian-bahagian sayap yang menghadap terus ke Turki (Hasanli 2013). Walaupun Kesatuan Soviet menafikan bahawa ia mempunyai niat untuk mengenakan ancaman ketenteraan terhadap Turki, namun risiko untuk teretusnya perang dengan Turki tetap tinggi. Justeru, Turki telah meningkatkan jumlah tenteranya bagi menghadapi risiko serangan Kesatuan Soviet. Hal ini secara tidak langsung telah memberi tekanan kepada ekonomi Turki (CAB 129/23 1948). Tambahan pula, tentera Turki tidak mempunyai kelengkapan ketenteraan yang secukupnya. Keadaan ini menunjukkan bahawa kekuatan tentera Turki tidak setanding dengan kekuatan tentera Kesatuan Soviet.

Bevin pernah menegaskan dalam *House of Commons* dalam Februari 1946 bahawa: *'I do not want Turkey [to be] converted into a satellite State. What I want her [Turkey] to be is really independent'* (Hansard, Vol. 419 1946). Sehubungan itu, Bevin dan Pejabat Luar menyimpulkan bahawa, seperti tentera kerajaan Beraja Greek tentera Turki juga perlu diperkemas dan dibekalkan dengan senjata yang mencukupi, maka Britain perlu membekalkan tentera Turki dengan sumbangan yang bersesuaian bagi meningkatkan sistem pertahanan Turki (Hansard, Vol. 419 1946). Melalui bantuan ekonomi dan bantuan ketenteraan kepada Turki itu, Britain menjangkakan Turki akan lebih berupaya untuk menghadapi dan menentang ancaman Kesatuan Soviet dengan lebih efektif, lalu mengelakkan diri daripada dikuasai oleh Kesatuan Soviet. Jangkaan yang sama juga dibuat terhadap Greece yang juga menerima bantuan yang sama daripada Britain.

Meskipun polisi terhadap Greece dan Turki itu dilihat oleh Bevin sebagai langkah penyelesaian yang efektif bagi menangani krisis di Greece dan Turki, namun pada hakikatnya Britain tidak mampu menanggung beban tersebut berseorangan ekoran keadaan kewangan dan ekonomi Britain yang semakin memburuk. Malah, sejak dari awal 1946 lagi Perdana Menteri Britain, iaitu Clement Attlee pernah menyuarakan pendapat bahawa polisi-polisi British terhadap Greece dan Turki itu adalah sangat mahal untuk ditanggung oleh sebuah negara yang sedang bergelut dengan masalah ekonomi (CAB 80/100 1946). Malah, Hugh Dalton sebagai Menteri Kewangan turut menjangkakan bahawa ekonomi Britain akan terus merudum sekiranya perbelanjaan dalam soal pertahanan dan ketenteraan di seberang laut itu tidak dikurangkan secepat mungkin (CAB 131/1 1946). Dalton mencatatkan dalam memoirnya tentang perkara ini seperti berikut: *'we now faced, not war anymore, only total economic ruin'* (Dalton 1962). Pandangan Dalton ini turut dipersetujui oleh Menteri Gas dan Tenaga iaitu Emanuel Shinwell (Shinwell 1963).

Dalam masa yang sama, Bevin dan Menteri Pertahanan iaitu Albert V. Alexander bertegas bahawa tentera British tidak sepatutnya berundur dari Greece dan Turki kerana dibimbangi akan memberi kelebihan kepada pihak komunis untuk menjadi semakin kuat (FO 800/474 1946). Malah, pengurangan bilangan tentera British dalam skala besar pasti akan menyukarkan Bevin dan Pejabat Luar untuk membentuk dasar luar British yang efektif (FO 800/474 1946). Walau bagaimanapun, apabila krisis ekonomi Britain semakin memburuk pada lewat 1946; dan menjadi lebih teruk menjelang Januari 1947; serta Perdana Menteri Attlee juga bersetuju bahawa bajet perbelanjaan ketenteraan kepada Greece dan Turki perlu dipotong; maka Bevin, Pejabat Luar, Alexander dan COS sedar bahawa mereka tidak lagi mampu untuk terus bertahan dengan pendirian untuk meneruskan bantuan ekonomi dan ketenteraan kepada Greece dan Turki (Cook 1989).

## **KE ARAH PAKATAN POLITIK BRITAIN-AMERIKA SYARIKAT DI GREECE DAN TURKI: POLISI PEMBENDUNGAN**

Walaupun polisi pengunduran separuh tentera British dari Greece dan Turki telah diluluskan, namun Dalton masih bimbang pemotongan belanjawan tersebut masih tidak cukup untuk menyelamatkan Perbendaharaan negara dan juga memulihkan ekonomi negara sepenuhnya. Dalton kemudiannya mendesak Bevin supaya bersetuju untuk mengundurkan tentera British sepenuhnya dari Greece dan Turki ketika mesyuarat Kabinet pada 18 Februari 1947 dan Bevin bersetuju dengan berat hati apabila majoriti ahli Kabinet bersetuju dengan cadangan Dalton itu (Dalton 1962). Walaupun Bevin bersetuju untuk mengundurkan tentera British sepenuhnya dari Greece dan Turki,

perkara ini tidak bermaksud Bevin mahu mengabaikan keselamatan kedua-dua negara tersebut atau pun mahu mengabaikan kepentingan geostrategik British di Mediterranean dan juga Timur Tengah.

Bagi memastikan keselamatan Greece dan Turki selepas pengunduran tentera British sepenuhnya daripada kedua-dua negara tersebut, Bevin bercadang untuk mengheret Amerika Syarikat supaya turut sama terlibat bersama Britain di Greece dan Turki. Bevin yakin Amerika Syarikat ada justifikasi tersendiri untuk melibatkan diri dalam kemelut politik di Greece dan Turki. Keyakinan tinggi Bevin adalah berdasarkan perbincangan beliau dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, iaitu James F. Byrnes ketika menghadiri mesyuarat Menteri-menteri Luar pada April 1946 di Paris. Byrnes pernah berkata kepada Bevin bahawa komunis mesti dihalang daripada menguasai Greece dengan apa-apa cara sekalipun (FO 800/468 1946). Selain itu, Duta British di Athens juga ada melaporkan pada Mei 1946 bahawa *Chargé d' Affaires* Amerika Syarikat pernah menyatakan kepada beliau bahawa bantuan Amerika Syarikat kepada Greece adalah tidak mustahil (FO 371/58729 1946). Malah, Dean Acheson iaitu pegawai *State Department* Amerika Syarikat juga pernah menghantar telegram kepada Duta Amerika Syarikat di Athens pada 8 November 1946 yang memaklumkan bahawa Setiausaha Negara Byrnes begitu optimis bahawa Amerika Syarikat pasti akan berusaha untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi Greece sebagai salah satu langkah untuk membenters ancaman komunis di Greece (FRUS, Vol. VII 1946).

Memandangkan pengaruh Amerika Syarikat sebagai kuasa dunia semakin kukuh sejak bermulanya era pasca-Perang Dunia Kedua ekoran kedudukan ekonominya yang mantap dan memiliki bilangan tentera yang sangat besar, maka Bevin melihat hanya Amerika Syarikat mampu menghalang Kesatuan Soviet daripada meluaskan pengaruhnya ke seluruh dunia. Bevin percaya Amerika Syarikat adalah satu-satunya rakan strategik Britain dalam usaha untuk memastikan keselamatan Greece dan Turki. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pasti tidak akan berupaya untuk menyelesaikan krisis di Greece dan Turki kerana Kesatuan Soviet sering membatalkan keputusan yang dicapai dalam Majlis Keselamatan PBB dengan menggunakan kuasa vetonya sekiranya keputusan itu membawa kerugian kepada pihaknya (Kaplan 1984). Sehubungan itu Bevin bertekad untuk mendapatkan bantuan Amerika Syarikat dalam memastikan Greece dan Turki tidak jatuh ke tangan komunis, dan hal ini dipersetujui oleh Dalton.

Bevin lantas mengarahkan Duta British di Washington, iaitu Lord Inverchapel (Sir Archibald Clark Kerr) memaklumkan kepada Setiausaha Negara Amerika Syarikat yang baharu dilantik menggantikan Byrnes iaitu George C. Marshall melalui *aide-mémoire* bahawa keadaan ekonomi Britain yang lemah telah menyebabkan Britain tidak lagi mampu untuk meneruskan polisi bantuan ekonomi dan ketenteraan kepada Greece dan Turki. Justeru, bantuan ekonomi dan ketenteraan tersebut akan ditamatkan dalam tempoh enam minggu (Cook 1989). Berita mengenai penamatan bantuan ekonomi dan ketenteraan British itu telah menggemparkan Marshall dan semua pegawai di *State Department* Amerika Syarikat kerana mereka langsung tidak menjangka bahawa Britain akan berundur sepenuhnya dari Greece pada ketika Perang Saudara Greek fasa ketiga sedang memuncak (FRUS, Vol. V 1947). Marshall, *State Department* dan juga Presiden Harry S. Truman hanya menyangkakan tentera British di Greece akan dikurangkan sebanyak separuh sahaja dan akan dilakukan secara berperingkat (Truman 1956).

Marshall kemudiannya dengan segera telah menghantar notis bantahan kepada Bevin dan mempersoalkan adakah Britain tidak lagi mengambil berat terhadap Greece lalu berhasrat untuk menamatkan polisi campur tangannya di Greece. Selepas Bevin menjelaskan bahawa Greece tetap penting kepada Britain dan keputusan pengunduran tersebut dibuat semata-mata kerana Britain tidak lagi mampu untuk menanggung beban ketenteraan itu sendirian, maka Marshall memberi jaminan kepada Bevin bahawa Amerika Syarikat pasti akan meringankan beban Britain di Greece dan Turki (FRUS, Vol. VI 1947). Marshall berjanji bahawa Amerika Syarikat pasti akan memberi bantuan ekonomi kepada Greece dan Turki atas dasar untuk '*assist free peoples to work out their own destinies in their own way*' (Young 1996). Ternyata Marshall menunaikan janjinya itu kepada Bevin kerana tidak lama selepas itu Amerika Syarikat telah mengubah amalan polisi luarnya iaitu daripada dasar isolasi kepada dasar campur tangan dalam hal ehwal dunia bagi menentang komunis (FRUS,



Vol. V, 1947). Sarjana Fraser Cameron menyatakan dalam tulisannya bahawa: *'for the first time in its history, the US had chosen to intervene in peacetime outside the Americas'* (Cameron 2005).

### **Polisi Amerika Syarikat terhadap Greece dan Turki, 1945-1947**

Ketika berlakunya krisis di Greece dan di Turki antara 1945 hingga awal 1947, amalan polisi luar Amerika Syarikat masih berasaskan kepada prinsip isolasi, iaitu satu dasar yang membolehkan Amerika Syarikat untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara di luar benua Amerika Utara tanpa ia melibatkan diri secara terus atau langsung dalam hal ehwal domestik negara-negara tersebut. Sehubungan itu, polisi yang diimplimentasikan oleh Amerika Syarikat terhadap Greece dan Turki dalam tempoh tersebut ialah polisi sokongan politik seperti memberi khidmat nasihat dan galakan sekiranya diperlukan.

### **Polisi Amerika Syarikat di Greece dan Turki, Mac 1947**

Greece dan Turki adalah merupakan antara negara penampan bagi menghalang kuasa Kesatuan Soviet daripada memasuki Timur Tengah. Bagi menjamin keselamatan Timur Tengah maka kuasa komunis mesti disekat daripada menguasai Greece dan Turki. Namun disebabkan amalan pemencilan dalam dasar luar Amerika Syarikat dan Amerika Syarikat juga tidak mempunyai kepentingan geostrategik di Greece dan Turki seperti Britain, maka Amerika Syarikat kurang bermotivasi untuk membantu Greece dan Turki dalam menghadapi ancaman kuasa komunis. Justeru, bagi mendapatkan kerjasama Amerika Syarikat dalam menjaga keselamatan Greece dan Turki, maka strategi Britain adalah dengan menarik minat Amerika Syarikat terhadap Timur Tengah terlebih dahulu. Perkara ini dijelaskan oleh Bevin dalam memorandumnya yang berjudul *'Tactics in Seeking US Cooperation in Face of Soviet Hostility'* seperti berikut:

*First, when in a given field we have considered what our right policy should be (and in many cases even during the working out of such a policy) it will be important to maintain the fullest consultation with the United States.*

*Second, we ought to prove to the Americans in practice that we are willing to welcome them into the Middle East on equal terms i.e. to avoid any position which gives unfriendly critics the opportunity of saying that in practice we are still trying to hold on an exclusive position.*

*Third, we must genuinely encourage, and not merely acknowledge in principle, American attempts to develop their own interests in these countries (since unless such interests are developed it will be impossible for the United States Administration to secure full support from their public opinion for their forward policy in the Middle East) (Bullen et al. 1987).*

Jelaslah bahawa dalam usaha Britain untuk mendapatkan kerjasama Amerika Syarikat bagi menghadapi permusuhan dengan Kesatuan Soviet, maka Britain perlu menggalakkan Amerika Syarikat untuk masuk ke Timur Tengah dengan rela hati. Perkara ini adalah untuk memastikan Amerika Syarikat tidak berasa seperti dipergunakan oleh Britain dalam usahanya untuk mempertahankan dominasi dan *status quo* British di Timur Tengah. Dalam rekod British dicatatkan bahawa: *'The Americans, especially the left-wing political parties, believed that Britain was trying to entangle the United States in fighting the Soviet Union not out of principles, but for British interests'* (Bullen et al. 1987). Britain khususnya Bevin berharap dengan melibatkan Amerika Syarikat di Timur Tengah, maka Amerika Syarikat akan sedar akan keperluan untuk menghalang Kesatuan Soviet daripada memasuki rantau tersebut. Seterusnya, Amerika Syarikat juga akan memahami bahawa langkah yang paling efektif untuk menyekat Kesatuan Soviet adalah dengan memastikan keselamatan Greece dan Turki, lalu Amerika Syarikat akan terdorong untuk turut menentang ancaman komunis di kedua-dua negara tersebut (Bartlett 1992).

Strategi Bevin untuk menarik minat Amerika Syarikat terhadap isu keselamatan Greece dan Turki dengan melibatkan ia dalam hal ehwal Timur Tengah berhasil. Hal ini disebabkan kerana tidak lama selepas Bevin mengusulkan strategi untuk membawa Amerika Syarikat ke Timur Tengah pada awal 1946 (Bullen et al. 1987), dalam tahun yang sama Amerika Syarikat mula menunjukkan minat terhadap Iran, Turki and Greece (Frazier 1991). Perlu diingatkan di sini bahawa pada waktu yang sama Amerika Syarikat khususnya Presiden Truman bersetuju dengan tulisan *Chargé d'Affaires* Amerika Syarikat di Moscow iaitu George F. Kennan dalam telegram sepanjang 8,000 patah perkataan yang dikenali sebagai “*Long Telegram*” yang dihantar ke *State Department* dalam Februari 1946. Dalam telegram tersebut Kennan memperincikan pandangannya tentang polisi luar Kesatuan Soviet yang dilihat terlalu agresif terhadap negara-negara di Eropah Timur. Justeru, Kennan mencadangkan Amerika Syarikat agar melaksanakan polisi ‘pengekangan’ bagi menyekat perluasan kuasa dan pengaruh komunis ke seluruh dunia (Kennan 1968). Berdasarkan perkembangan tersebut ternyata cadangan Bevin untuk melibatkan Amerika Syarikat secara langsung dalam hal ehwal minyak di Timur Tengah adalah langkah yang tepat memandangkan Amerika Syarikat mulai sedar akan kepentingan Greece dan Turki dalam memastikan keselamatan Timur Tengah. Sejarawan John C. Campbell menyatakan dalam tulisannya bahawa ‘*the United States went into the Middle East after the Second World War for two main reasons, oil and the containment of the Soviet Union*’ (Campbell 1972).

Sebelum Truman dilantik sebagai Presiden, Amerika Syarikat hanya menunjukkan minat yang minimal terhadap Timur Tengah. Namun, minat Amerika Syarikat terhadap Timur Tengah semakin meningkat apabila para pegawai *State Department* berasa curiga dengan kehadiran tentera Soviet di bahagian utara Iran. Memandangkan ketidakupayaan Britain dari aspek ketenteraan, maka Amerika Syarikat percaya Kesatuan Soviet akan berjaya meluaskan kuasa dan pengaruhnya di Timur Tengah dengan mudah (Smith 1998). Pada ketika kebimbangan Amerika Syarikat terhadap Iran semakin memuncak, Amerika Syarikat mendapat perkhabaran mengenai pengunduran tentera British sepenuhnya dari Greece dan Turki. Maka Setiausaha Negara Marshall dan para pegawai *State Department* percaya bahawa telah tiba masanya untuk Amerika Syarikat berbuat sesuatu iaitu dengan memutuskan untuk menamatkan prinsip isolasi dalam polisi luar Amerika Syarikat.

Perkara ini menunjukkan bahawa Amerika Syarikat bersedia untuk menggubal polisi baharu terhadap Greece dan Turki, iaitu daripada polisi sokongan politik kepada polisi pembendungan yang akan dilaksanakan melalui pemberian bantuan ekonomi dan ketenteraan. Polisi baharu ini adalah berdasarkan kepentingan geostrategik Amerika Syarikat terhadap tiga negara penampian iaitu Greece, Turki dan Iran, yang akan menghalang pengaruh komunis dan kuasa Kesatuan Soviet daripada memasuki rantau Timur Tengah. Perkara ini dijelaskan oleh *State Department* seperti berikut:

*Strategically, Turkey is the most important factor in the Eastern Mediterranean and Middle East. By its geographical position, Turkey constitutes the stopper in the neck of the bottle through which Soviet political and military influence could most effectively flow into the eastern Mediterranean and Middle East* (FRUS, Vol. VIII 1946).

Berdasarkan rekod-rekod Amerika, didapati Marshall dan *State Department* mengambil masa yang sangat singkat untuk memutuskan bahawa Amerika Syarikat sememangnya perlu membantu Britain dalam mempertahankan kedaulatan Greece (FRUS, Vol. V 1947). Hal ini disebabkan kerana Amerika Syarikat sedar sekiranya Greece jatuh ke tangan komunis, maka Turki juga pasti akan turut jatuh. Perkara ini disebutkan oleh Truman dalam diariannya seperti berikut:

*Greece needed aid, needed it quickly, and in substantial amounts. The alternative was the loss of Greece and the extension of the Iron Curtain across the Eastern Mediterranean. If Greece was lost, Turkey became an untenable outpost in a sea of Communism. Similarly, if Turkey yielded to Soviet demands, the position of Greece would be extremely endangered* (Truman 1956).

Truman turut berpendapat bahawa sekiranya Turki yang terlebih dahulu jatuh ke tangan komunis, maka keselamatan negara-negara yang berdekatan dengan Turki akan turut terancam. Pandangan Truman ini sama seperti *State Department*. Berikut merupakan analisis *State Department* mengenai hal ini:

*A Russian-dominated Turkey would open the floodgates for a Soviet advance into Syria, Lebanon, Iraq, Palestine, Transjordan, Egypt and the Arabian Peninsula, all of which are at present still relatively free from Russian activities and direct Russian pressure because of their relative remoteness from the sphere of Russian dominance. It would also dangerously, perhaps fatally, expose Greece and Iran, two countries whose governments are already having the greatest difficulty in standing up to the Soviet Union and its agents* (FRUS, Vol. VIII 1946).

Perkara ini menjelaskan tindakan *State Department* mempertimbangkan Turki sebagai negara yang juga layak untuk diberi bantuan ekonomi ketika mereka sedang merangka pelan bantuan ekonomi kepada Greece. *State Department* turut berpendapat: *'a crisis of the utmost importance and urgency has arisen in Greece and to some extent in Turkey. This crisis has a direct and immediate relation to the security of the United States'* (FRUS, Vol. V 1947). Justeru, *State Department* bersetuju untuk segera membantu Greece dan Turki melalui pelan bantuan ekonomi di bawah polisi pembendungan supaya kemaraan Kesatuan Soviet di Mediterranean Timur dan seterusnya Timur Tengah dapat disekat (FRUS, Vol. VI 1947). Pegawai *State Department* seperti Kennan dan Dean Acheson menyokong sepenuhnya cadangan untuk memberi bantuan ekonomi kepada Greece dan Turki (Kennan 1968). Mereka percaya bahawa *'the US must either take on Britain's role as protector of Near Eastern states from Russia or witness a major advance for communism'* (Young 1996). Acheson turut menambah bahawa sekiranya Greece dan Turki tidak dibantu maka situasi yang akan terjadi adalah seperti *'rotten apples in a barrel infected by one rotten one, the corruption of Greece would infect Iran and all to the east'* (Acheson 1970).

Maka pada 12 Mac 1947, iaitu 13 hari selepas Setiausaha Negara Marshall menerima berita tentang pengunduran sepenuhnya tentera British dari Greece, Presiden Truman mengumumkan pelan pertama Amerika Syarikat di bawah polisi pengekangan (*containment*) iaitu Doktrin Truman yang merupakan bantuan ekonomi kepada Greece dan Turki agar kedua-duanya mampu mempertingkatkan kekuatan ketenteraan masing-masing dalam menghadapi ancaman dan tekanan daripada pihak komunis. Pengumuman ini secara tidak langsung menandakan bahawa Amerika Syarikat secara rasminya telah menamatkan polisi isolasinya (Kaplan 1993). Presiden Truman sendiri ada menyatakan dalam memoirnya bahawa bantuan ekonomi kepada Greece dan Turki itu menandakan titik mula kepada perubahan polisi luar Amerika Syarikat daripada dasar tidak campur tangan (isolasi/ pemencilan) kepada dasar campur tangan di mana-mana negara yang kebebasannya sedang diancam oleh komunis. Walaupun Presiden Truman tidak menyebut dengan jelas 'Kesatuan Soviet' atau 'komunisme' dalam pengumuman tersebut, namun objektif utama Doktrin Truman adalah untuk menyekat penyebaran pengaruh komunis di Greece dan Turki (Truman 1956).

Pada mulanya Presiden Truman bimbang sekiranya pelan bantuan ekonomi Amerika Syarikat kepada Greece dan Turki itu tidak mendapat kelulusan pihak Kongres Amerika Syarikat kerana bantuan seperti itu sepatutnya diberikan melalui keputusan Majlis Keselamatan PBB, bukannya bantuan secara langsung daripada Amerika Syarikat. Bagi memastikan pihak Kongres menyokong keputusan *State Department* untuk membantu Greece dan Turki mengekalkan kedaulatan masing-masing melalui Doktrin Truman, maka Truman menegaskan bahawa PBB tidak berupaya untuk membantu Greece dan Turki kerana pihak yang mengancam kedua-dua negara ini iaitu Kesatuan Soviet pasti akan membatalkan keputusan Majlis Keselamatan dengan menggunakan kuasa vetonya (Truman 1963). Malah, Senator Arthur H. Vandenberg turut bersetuju dengan hujah Presiden Truman dan menegaskan seperti berikut: *'I am frank to say that I think Greece could collapse fifty times before the UN itself could ever hope to handle a situation of this nature'* (Vandenberg Jr. 1953).

Ternyata hujah Presiden Truman dan Senator Vandenberg telah berjaya menyakinkan pihak Kongres. Dalam bulan Mei 1947, Kongres Amerika Syarikat telah meluluskan sejumlah \$400 untuk pelan bantuan ekonomi kepada Greece dan Turki (Cameron 2005). Bagi Presiden Truman, beliau

begitu yakin tiada kuasa lain selain Amerika Syarikat yang mampu untuk menyaingi Kesatuan Soviet kerana Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang paling berkuasa dan paling kaya pada waktu itu (Truman 1956). Maka atas sebab itulah Amerika Syarikat bersetuju untuk meringankan beban Britain di Greece dan Turki, serta berikrar '*wherever and whenever an anti-Communist government was threatened, by indigenous insurgents, foreign invasion, or even diplomatic pressure, the United States would supply political, economic, and [...] military aid*' (Ambrose 1993).

Dengan adanya bantuan ekonomi daripada Amerika Syarikat, maka tentera Beraja Greek dapat meningkatkan kekuatannya dalam menghadapi penentangan daripada gerila komunis. Malah, tentera Beraja Greek juga masih mendapat sokongan ketenteraan daripada Britain berikutan permintaan Marshall kepada Bevin supaya menangguhkan proses pengunduran tentera British dari Greece. Seperti yang dinyatakan oleh Bevin: '*I had arranged with Mr Marshall in Moscow in 1947 to keep troops in Greece until the end of that year, and now it was nearly another year*' (FO 800/468/Gre/48/8 1948). Situasi ini turut dinyatakan oleh Don Cook seperti berikut: '*the last British troops did not leave Greece until 1950 when the civil war was over*' (Cook 1989).

Akhirnya dalam bulan Oktober 1949, tentera Beraja Greek telah berjaya menewaskan gerila komunis dan secara rasminya telah memenangi persaingan dengan komunis dalam perang saudara tersebut. Di Turki pula, Turki turut berjaya meningkatkan kekuatan dan pertahanannya setelah menerima bantuan ekonomi Amerika Syarikat mulai Mei 1947. Turki justeru menjadi lebih yakin dan terus menolak dengan jayanya tuntutan Kesatuan Soviet terhadap isu selat Turki dan isu wilayah Kars dan Ardahan sehinggalah wakil Kesatuan Soviet iaitu Setiausaha Luar Molotov membatalkan tuntutan-tuntutan tersebut pada 30 Mei 1953 ekoran kematian Stalin dua bulan sebelum itu (5 Mac 1953) (Hasanli 2013). Ternyata pakatan politik Britain-Amerika Syarikat telah berjaya membantu Greece dan Turki menentang kuasa komunis lalu kekal sebagai sebuah negara demokrasi yang berdaulat.

## KESIMPULAN

Polemik politik di Greece dan Turki pada era awal pasca-Perang Dunia Kedua ekoran ancaman dan tekanan daripada pihak komunis yang didukung kuat oleh Kesatuan Soviet telah mendorong Britain untuk menggubal polisi yang boleh membantu negara-negara ini kekal sebagai negara yang berdaulat. Namun, disebabkan Britain selepas Perang Dunia Kedua mengalami masalah ekonomi yang teruk sehingga menjejaskan keupayaannya untuk terus memberi bantuan kepada Greece dan Turki, maka Britain tidak lagi mampu untuk menghalang perluasan kuasa Soviet di Greece dan Turki secara bersendirian. Sekiranya Greece dan Turki jatuh ke tangan komunis, perkara ini pasti akan menjejaskan kepentingan geostrategik Britain di kedua-dua negara tersebut.

Berbeza dengan Britain, kedudukan ekonomi Amerika Syarikat pada waktu itu adalah sangat kukuh, malah Amerika Syarikat memiliki kekuatan ketenteraan yang sangat besar. Maka, Britain berpendapat bahawa cara terbaik bagi melawan ancaman Kesatuan Soviet terhadap penguasaan British di Greece dan Turki adalah dengan mendapatkan sokongan politik, ekonomi dan ketenteraan daripada Amerika Syarikat kepada Greece dan Turki. Walaupun Amerika Syarikat pada awalnya mengamalkan polisi isolasi, namun desakan dan pujukan yang dilakukan oleh Britain telah berjaya mengubah amalan dasar luar Amerika Syarikat tersebut. Bermula dengan usaha Bevin dengan menghantar memorandum kepada Marshall, Amerika Syarikat akhirnya bersetuju untuk membantu Greece dan Turki dalam menghadapi krisis politik di negara masing-masing yang berpunca daripada ancaman dan tekanan pihak komunis apabila Presiden Truman mengumumkan bahawa satu polisi pembendungan akan dilaksanakan yang dikenali sebagai Doktrin Truman pada 12 Mac 1947.

Melalui kerjasama Anglo-Amerika di Greece dan Turki dalam membendung komunisme, maka kedaulatan Greece dan Turki telah berjaya dipertahankan. Hal ini membawa maksud bahawa perluasan lingkungan pengaruh Kesatuan Soviet dan di Selatan Eropah Timur telah berjaya disekat. Perkara ini secara tidak langsung telah turut membantu Britain mengekalkan *status quo* di Greece dan Turki serta kepentingan geostrategik Britain di kedua-dua negara tersebut. Memandangkan

Amerika Syarikat pada awalnya tidak berminat untuk campur tangan dalam krisis di Greece dan Turki atas prinsip isolasi, maka dapat disimpulkan di sini bahawa bahawa persaingan lingkungan pengaruh antara dua kuasa besar dunia iaitu Britain dan Kesatuan Soviet di Greece dan Turki pada awal era pasca-Perang Dunia Kedua telah membuka laluan kepada kemunculan polisi pembendungan iaitu Doktrin Truman yang ditaja oleh Amerika Syarikat. Kemunculan doktrin ini secara tidak langsung juga telah merasmikan persaingan antara blok demokrasi melawan blok komunis yang dikenali sebagai Perang Dingin.

## RUJUKAN

- Acheson, D. 1970. *Present at the Creation: My Years in the State Department*. London: Hamish Hamilton.
- Ambrose, S. 1993. *Rise to Globalism: American Foreign Policy since 1938*. New York: Penguin Books.
- Banac, I. (pnyt.). 2003. *The Diary of Georgi Dimitrov 1933-1949*. New Haven: Yale University Press.
- Bartlett, C.J. 1992. *'The Special Relationship': A Political History of Anglo-American Relations since 1945*. London: Longman Group UK Limited.
- Boyle, P.G. 1990. America's Hesitant Road to NATO, 1945-49. In J. Smith, *The Origins of NATO*, pp. 65-81. Exeter: University of Exeter Press.
- Bullen, R. et al. (eds.). 1987. *Documents on British Policy Overseas: Series I Volume VI, Britain and America: Atomic Energy, Bases and Food, 12 December 1945-31 July 1946*. London: H.M.S.O.
- CAB 129/16. 1947, January 25. Memorandum by the Secretary of State for Foreign Affairs. *Policy towards Greece and Turkey*. London: The National Archives.
- CAB 129/23. 1948, January 5. Memorandum by the Secretary of State for Foreign Affairs. *Review of Soviet Policy*. London: The National Archives.
- CAB 131/1. 1946, January 11. D.O. (46), 1st Meeting, Reports by Chancellor of the Exchequer. *Britain's Economic Burden*. London: The National Archives.
- CAB 131/12. 1946, March 13. Memorandum by Secretary of State to the Defence Committee. London: The National Archives.
- CAB 133/86. 1946, April 20. *Chiefs of Staff to the Defence Committee*. London: The National Archives.
- CAB 80/100. 1946, February 22. COS (46) 54 (0). London: The National Archives.
- Cameron, F. 2005. *US Foreign Policy After the Cold War*. New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Campbell, J.C. 1972. The Soviet Union and the United States in the Middle East. *Annals of the American Academy of Political and Social Science*, 126-135.
- Cook, D. 1989. *Forging the Alliance, NATO, 1945-1950*. London: Secker & Warburg.
- Dalton, H. 1962. *High Tide and After: Memoirs 1945-1960*. London: Muller.
- DEFE 5/3. 1947, January 23. Note by the Secretary. *'Future Defence Policy'*. London: The National Archives.
- FO 371/48276. 1945, August 1. Memorandum by the Secretary of State for Foreign Affairs. *Summary on the situation in Greece*. London: The National Archives.
- FO 371/58729. 1946, May 27. From Athens to Foreign Office. London: The National Archives.
- FO 371/73045. 1948, January 21. Washington to Foreign Office. *The Western Union: Conversation with Mr Hickerson*. London: The National Archives.
- FO 800/468. 1946, May 9. Foreign Office minute. London: The National Archives.
- FO 800/468/Gre/48/8. 1948, September 24. *Mr Bevin to Sir O. Franks (Washington)*. London: The National Archives.
- FO 800/474. 1946, January 14. PM/46/4/Man/46/3. *Bevin to Attlee*. London: The National Archives.
- Frazier, R. 1991. *Anglo-American Relations with Greece: The Coming of the Cold War, 1942-47*. New York: St. Martin's Press.
- FRUS. 1946. The Near East and Africa, Vol. VII. *The Acting Secretary of State to the Ambassador in Greece (MacVeagh), 8 November 1946*. Washington, D.C.: U.S. Government Printing Office.
- FRUS. 1946. The Near East and Africa, Vol. VIII. *Memorandum on Turkey Prepared in the Division of Near Eastern Affairs, 21 Oktober 1946*. Washington, D.C.: U.S. Government Printing Office.
- FRUS. 1947. The Near East and Africa, Vol. V. *Memorandum by the Under Secretary of State (Acheson) to the Secretary of State, 24 February 1947*. Washington, D.C.: U.S. Government Printing Office.

- FRUS. 1947. The Near East and Africa, Vol. VI. *Memorandum by the Secretary of State to President Truman, 'Immediate Aid to Greece and Turkey', 26 Februari 1947*. Washington, D.C.: U.S. Government Printing Office.
- Gilbert, M. 1986. *Road to Victory: Winston S. Churchill 1941-45*. London: Heinemann.
- Hansard. 1945, August 20. Vol. 413. London: H.M.S.O.
- Hansard. 1946, February 21. Vol. 419. London: H.M.S.O.
- Hasanli, J. 2013. *Stalin and the Turkish Crisis of the Cold War, 1945-1953*. Lanham, Maryland: Lexington Books.
- Hathaway, R.M. 1981. *Ambiguous Partnership: Britain and America, 1944-1947*. New York: Columbia University Press.
- Kaplan, L.S. 1984. *The United States and NATO, The Formative Years*. Lexington: The University Press of Kentucky.
- Kaplan, L.S. 1993. The Monroe Doctrine and the Truman Doctrine: the Case of Greece. *Journal of the Early Republic*, 1-21.
- Kennan, G.F. 1968. *Memoirs 1925-1950*. London: Hutchinson.
- Kent, J. 1994. British Policy and the Origins of the Cold War. In Melvyn P. Leffler and David S. Painter, *Origins of the Cold War: An International History*, pp. 155-166. New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- Knight, J. 1977. America's International Guarantees for the Straits: Prelude to the Truman Doctrine. *Middle Eastern Studies*, 241-250.
- Kuniholm, B.R. 1980. *The Origins of the Cold War in the Near East: Great Power Conflict and Diplomacy in Iran, Turkey and Greece*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Kynin, Georgij P. dan Laufer, Jochen P. (pnyt.). 1996. *SSSR I Germanskii Vopros*, Vol. 1, Moscow: *Mezhdunarodnye otnosheniya*, dokumen 79.
- Leffler, M.P. 1985. Strategy, Diplomacy and the Cold War: The United States, Turkey and NATO, 1945-1952. *The Journal of American History*: 807-825.
- Mango, A. 1968. *Turkey: New Nations and Peoples Library*. London: Thames & Hudson.
- Mark, E. 1994. The Turkish War Scare of 1946. In M. P. Leffler, *Origins of the Cold War: An International History*, pp. 112-133. New York: Routledge, Taylor & Francis Group.
- PREM 3/66/7 (169), Record of the Meeting at the Kremlin, 9 October 1944. London: The National Archives.
- Reitzel, W. 1948. *The Mediterranean: Its Role in American Foreign Policy*. New York: Harcourt Brace.
- Roberts, G. 2012. *Molotov: Stalin's Cold Warrior*. Washington D.C.: Potomac Books, Inc.
- Roberts, G. 2011. Moscow's Cold War on the Periphery: Soviet Policy in Greece, Iran, and Turkey, 1943-8. *Journal of Contemporary History*: 58-81.
- Rozakis, C. dan Stagos, Petros N. 1987. *The Turkish Straits*. Dordrecht: Martinus Nijhoff Publishers.
- Rubin, B. 1980. *The Great Powers in the Middle East 1941-1947: The Road to the Cold War*. London: Frank Cass and Company Limited.
- Shinwell, E. 1963. *The Labour Story*. London: Macdonald.
- Smith, J. 1998. *The Cold War 1945-1991*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Truman, H.S. 1956. *Memoirs by Harry S. Truman, Volume 2: Years of Trial and Hope, 1946-1953*. Suffolk: Hodder and Stoughton Ltd.
- Truman, H.S. 1963. *Public Papers of the Presidents of the United States: Harry S. Truman Containing the Public Messages, Speeches and Statements of the President, January 1 to December 31, 1947*. Washington, D.C.: Government Printing Office.
- Vandenberg Jr., A.H. (ed.) 1953. *The Private Papers of Senator Vandenberg*. London: Gollancz.
- Yegorova, Natalia I. 1996. *The "Iran Crisis" of 1945-46: A View from the Russian Archives in Cold War International History Project: Working Paper No. 15*, Washington, D.C.
- Yergin, D. 1986. *Shattered Peace: The Origins of the Cold War*. New York: Penguin Books.
- Young, J.W. 1996. *Cold War Europe 1945-1991: A Political History*. London: Arnold.

Norasmahani Hussain, (PhD)  
Bahagian Sejarah,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia.  
Email: norasmahani@usm.my

Zulkanain Abdul Rahman, (PhD)  
Prof Madya  
Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya  
Email: zulkana@um.edu.my

Diserahkan: 7 September 2022

Diterima: 9 Oktober 2022

Diterbitkan: 31 Disember 2022

---

<sup>1</sup> ‘*Percentage Agreement*’ ialah sebuah perjanjian yang telah dicapai antara Joseph Stalin dan Winston Churchill ketika berlangsungnya Persidangan Moscow Keempat pada bulan Oktober tahun 1944 tentang pembahagian lingkungan pengaruh (*spheres of influence*) Kuasa-kuasa Besar di rantau Balkan. Stalin bersetuju dengan penguasaan British di Greece (90%); Churchill bersetuju dengan penguasaan Soviet di Romania (90%) dan Bulgaria (75%); dan kedua-duanya bersetuju untuk berkongsi Yugoslavia dan Hungary pada kadar peratus yang sama iaitu 50-50.

<sup>2</sup> Perkara ini direkodkan oleh Georgi Dimitrov, mantan ketua Comintern dalam diarinya di bawah entri bertarikh 8 dan 9 Disember 1944. Diari ini disunting dan diterbitkan oleh Ivo Banac.